

## KHUTBAH JUMAAT

### “INTEGRITI PASAK KEWIBAWAAN UMMAH”

(1 November 2024M/ 29 Rabiulakhir 1446H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا،  
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يُضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ  
لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “***Integrity Pasak Kewibawaan Ummah***”.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sesungguhnya, Islam mengiktiraf konsep dan amalan integriti dengan budaya murni Islam khususnya sifat amanah dan *itqan* yakni (bersungguh-sungguh melakukan sesuatu pekerjaan) yang merupakan penghayatan kepada iman dan taqwa dalam kehidupan seseorang muslim. Terdapat dua ciri orang beriman yang disebutkan dengan jelas oleh Allah *subhanahu wata'ala* melalui Firman-Nya dalam Surah al-Mukminun, ayat 8:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِنَتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ (٨)

**Maksudnya:** *Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya.*

Berdasarkan kepada ayat tadi, Islam mewajibkan umatnya untuk menjaga dan memelihara amanah dan janji yang diberikan dengan sebaik-baiknya sama ada antara seorang hamba dengan Allah *subhanahu wata'ala* atau sesama manusia.

Sebagai orang yang beriman, janganlah kita mengkhianati amanah dan janji kita terutama dengan Allah *subhanahu wata'ala*, sama ada dengan melanggar larangan-Nya, mengabaikan perintah-Nya atau mesia-siakan petunjuk-Nya. Begitu juga dalam konteks perhubungan sesama manusia, segala perkara yang diamanahkan dan janji yang dilafazkan mestilah dilaksanakan dengan sempurna sama ada dalam hubungan kekeluargaan, bermasyarakat dan bernegara.

Berkaitan dengan hal ini juga, Saidatina Aishah *radiallahu anha* ada meriwayatkan pesanan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang

menekankan sifat amanah dan itqan dalam bekerja sebagaimana sabdanya yang bermaksud:

*((Sesungguhnya Allah subhanahu wata'ala mengasihi seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu pekerjaan, dia melakukan dengan itqan (bersungguh-sungguh))).*

*(Hadis riwayat Imam al-Tabarani)*

Daripada maksud hadis tadi, jelas menunjukkan kepada kita betapa Islam amat menitikberatkan sikap bersungguh-sungguh dalam melaksanakan setiap usaha dan pekerjaan. Pada masa yang sama, sentiasa berpegang dengan semua nilai kebaikan yang tinggi termasuk amanah dan mengamalkan integriti pada setiap masa dan pekerjaan.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Teladan berkaitan sifat amanah dan integriti yang boleh kita contohi antaranya ialah kisah Nabi Yusuf *alaihissalam*. Baginda *alaihissalam* merupakan seorang Rasul. Baginda *alaihissalam* dengan sifat amanah dan kewibawaannya dalam menjalankan tugas tersebut telah menawarkan diri kepada Raja Mesir pada ketika itu untuk membantu merancang ekonomi dan kewangan negara Mesir. Ini jelas digambarkan dalam al-Quran melalui Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Yusuf, ayat 55:

قَالَ اجْعَلْنِي عَلَىٰ خَزَائِنِ الْأَرْضِ ۗ إِنِّي حَفِيظٌ عَلَيْمُ (٥٥)

**Maksudnya:** *Nabi Yusuf berkata: “Jadikanlah aku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); sesungguhnya aku sedia*

*menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya.*

Apa yang kita dapat pelajari daripada kisah Nabi Yusuf *alaihissalam* ini adalah baginda bersedia berkhidmat bukan kerana mengharapkan jawatan mahupun kedudukan, akan tetapi demi untuk menjaga kemaslahatan dan bagi memastikan pentadbiran negara dapat ditadbir dengan baik berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah serta Qudwah Hasanah. Baginda sentiasa menitikberatkan elemen amanah dan berilmu dalam mengurus serta menjaga khazanah negara. Pastinya ini merupakan satu daripada aspek penting yang perlu kita amati dalam konteks masyarakat, negara dan dunia pada hari ini.

Sudah sewajarnya dengan contoh nilai terbaik yang ditunjukkan dalam al-Quran melalui kisah-kisah para Rasul dan Nabi *alaihimussalam*, nilai integriti seperti amanah dan adil sepatutnya ditanam dan diserap menjadi satu sikap yang sehati dalam diri kita semua. Sebagai umat Islam yang mempunyai ketertinggian kepada pengamalan nilai dan akhlak yang terpuji, sepatutnya ia lebih terserlah dalam bentuk perlakuan bukan sahaja kelembutan peribadi akan tetapi kemuliaan akhlak dari sudut kejujuran dan kebertanggungjawaban.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Pembudayaan nilai integriti merupakan satu sifat terpuji yakni sifat mahmudah yang harus diterapkan dalam kehidupan seseorang insan seperti mana yang ditunjukkan oleh Baginda Nabi Muhammad

*sallallahu alaihi wasallam*. Baginda *sallallahu alaihi wasallam* sentiasa mengamalkan dan menunjukkan contoh ikutan yang terbaik kepada umatnya, sehingga dikenali dengan gelaran 'al-Amin', yang bererti 'yang sangat dipercayai'. Empat nilai keperibadian dan sifat terpuji Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang menjadi teras kepada nilai integriti iaitu as-Sidiq (sangat benar), amanah (dipercayai), tabligh (menyampaikan) dan fatanah (bijaksana). Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ  
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا (٢١)

**Maksudnya:** Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

Tanpa integriti seperti tidak beramanah dan tidak berlaku jujur serta sentiasa bergelumang dengan sifat mazmumah dalam diri seseorang itu, akan menyebabkan kedudukannya terjejas di sisi Allah *subhanahu wata'ala* malah akan mendapat kebinasaan di dunia ini dan di akhirat nanti. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Anfal, ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنِيَكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

**Maksudnya:** *Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).*

Manusia yang tidak menegakkan nilai-nilai integriti dalam diri mereka akan menyebabkan mereka mudah melakukan perbuatan dosa yang dimurkai oleh Allah *subhanahu wata'ala*, seperti mengamalkan rasuah, pecah amanah, penyelewengan dana awam, ketidakpatuhan peraturan, tidak berdisiplin, cuai melaksanakan tugas dan seumpamanya.

Akibatnya, seperti yang diceritakan melalui suatu kisah yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas *radiallahu anhuma* semasa zaman Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* di mana selepas tamatnya Peperangan Khaibar, beberapa orang sahabat Baginda *sallallahu alaihi wasallam* telah berkata kepada sahabat yang telah gugur syahid “fulan ini telah syahid”, “fulan ini telah syahid” sehingga sampai kepada seorang lelaki dan mereka berkata “fulan ini telah syahid”. Tetapi Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* kemudian bersabda yang maksudnya:

“Sesekali tidak. Sesungguhnya aku melihatnya di dalam neraka kerana jubah yang dicurinya.”

*(Hadis riwayat Imam Muslim)*

Walaupun hanya perlakuan tidak jujur dan tidak amanah, mengakibatkan seseorang itu tidak terlepas dari azab dan hukuman di atas perbuatannya itu.

## **Kaum muslimin yang berbahagia,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, iaitu:

**Pertama:** Integriti, jujur dan kepatuhan adalah prinsip-prinsip syariat Islam yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

**Kedua:** Amanah itu sangat berat, maka peliharalah ia sebaikbaiknya. Jika khianat akan diazab dan diseksa dalam neraka.

**Ketiga:** Umat Islam hendaklah berusaha menjadi insan yang mengamalkan akhlak mulia agar dapat meningkatkan nilai diri, keluarga, masyarakat dan negara menuju ke arah yang lebih diberkati serta diredai oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah an-Nahl, ayat 97:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۖ  
وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (٩٧)

**Maksudnya:** Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Pada kesempatan ini, khatib ingin mewar-warkan kepada bakal-bakal haji bahawa Lembaga Tabung Haji Sarawak akan mengadakan Kursus Asas Haji bagi Musim Haji 1446H/2025M bermula daripada 26 Oktober yang lalu hingga 18 Januari 2025 sebanyak 13 siri di 10 buah masjid terpilih di Sarawak. Maklumat lanjut berkaitan kursus berkenaan boleh diperolehi di laman sesawang TH, aplikasi THIJARI dan Pejabat TH berdekatan.

Marilah kita bersama-sama terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah dan berusaha memperbaiki keikhlasan dalam setiap amalan kita. Sesungguhnya keikhlasan adalah intipati kepada semua ibadah yang kita laksanakan. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*

sebagaimana perintah Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah Asya'irah Maturidiyyah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.